

15/08/1997

Mahathir tersinggung (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tersinggung dengan kenyataan mufti tertentu yang mendakwa beliau hampir murtad apabila menegur tindakan pihak berkuasa agama menangkap tiga remaja menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor.

Sambil menyifatkan tuduhan terhadapnya itu keterlaluan, Perdana Menteri menjelaskan, beliau tidak menyatakan pertandingan ratu cantik diharamkan oleh agama, sebaliknya tindakan terhadap tiga gadis itu perlu mencerminkan konsep keadilan dalam Islam.

Menurutnya, mufti terbabit membuat kenyataan akhbar kononnya mereka yang tidak bersetuju dengan fatwa larangan pembabitan gadis Islam dalam pertandingan ratu cantik, sebagai murtad.

"Mereka membuat tuduhan kononnya saya sudah murtad atau hampir murtad kerana membuat teguran berhubung penangkapan tiga wanita yang terbabit dalam pertandingan ratu cantik.

"Saya tidak kata pertandingan itu halal...saya tidak kata dakwaan tidak patut dibuat (terhadap gadis terbabit). Saya hanya kata kalau hendak ambil tindakan, janganlah begitu keras tangkap orang selepas mereka berada di pentas...

"Kalau kita beri surat suruh mereka datang ke pejabat, mereka boleh datang sendiri," katanya sambil menegaskan, kenyataannya itu bukan kepada semua mufti tetapi ditujukan kepada mufti tertentu yang dengan sewenang-wenangnya menuduh tegurannya itu sebagai terkeluar daripada Islam.

Berucap pada majlis perjumpaan dengan rakyat di Dewan Jitra di sini petang ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan berhak menegur mufti yang didapati mengambil tindakan tidak selaras dengan ajaran Islam berdasarkan kepemimpinan Saidina Abu Bakar yang meminta umat Islam menegurnya jika beliau melakukan kesilapan.

"Kita hormat mufti pasal sesuatu peraturan yang dibuatnya tetapi kalau mufti mengambil tindakan tidak mengikut hukum Islam, takkan kita tak boleh tegur. Ini pegawai yang dibayar gaji oleh kerajaan yang dengan mudah menuduh orang ini murtad orang itu murtad...

"Saya tidak mempertikaikan pengetahuan mereka mengenai sebahagian daripada agama, bukan sepenuhnya. Tetapi untuk menuduh orang dengan sewenang-wenangnya murtad adalah keterlaluan dan ia adalah usaha memecahbelahkan umat Islam," katanya.

Ekoran isu ratu cantik di Selangor itu, mesyuarat Majlis Tertinggi Umno minggu lalu menyarankan supaya kajian semula dilakukan terhadap fungsi dan kuasa pegawai agama, terutama mufti dalam membuat fatwa yang dilihat tidak selaras dengan kedudukan mereka sebagai penasihat agama kepada kerajaan.

Melalui cadangan itu, ulama tidak lagi dibenarkan mengeluarkan fatwa sesuka hati, mewarta dan kemudian membatalkannya bagi mengelakkan penyelewengan yang menimbulkan imej negatif terhadap Islam.

Perdana Menteri juga berkata, seseorang tidak boleh menggelarkan diri mereka ulama dengan hanya memasuki persatuan atau tamat pengajian universiti kerana taraf ulama ialah mereka yang mendapat pengiktirafan masyarakat.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya persatuan ulama yang dianggotai ulama terbabit dibubarkan jika mereka gagal berfungsi menurut kehendak islam sebenar.

Ditanya mengenai perasaannya dituduh murtad dalam sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata: "Adakan anda tidak tersinggung jika dikatakan

separuh murtad atau murtad sepenuhnya."

Dr Mahathir berkata, beliau sedia menemui ulama tetapi meminta mereka tidak membuat kenyataan sesuka hati.

(END)